

1 Mei 2011 (Ahad)

Tiga lagi PBT baru ditubuhkan

Oleh MOHAMMAD DZULHISHAM CHE HASIM utusanmelaka@utusan.com.my



Mohd. Khalil Yaakob menerima cenderamata selepas majlis Perasmian Sambutan Hari Perbandaran Kelapan Majlis Perbandaran Alor Gajah, Melaka, kelmarin.

ALOR GAJAH 1 Mei - Kerajaan negeri akan menubuhkan tiga lagi pihak berkuasa tempatan (PBT) sebagai tambahan kepada empat yang sedia ada dalam usaha meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kepada masyarakat. Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, penubuhan tiga PBT itu dapat mengelincikan skop tugas dan kawasan liputan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan. Menurutnya, tiga PBT baru yang akan ditubuhkan ialah Majlis Perbandaran Hang Jebat (MPHJ), Majlis Perbandaran Merlimau (MPM) dan Majlis Perbandaran Masjid Tanah (MPMT). "Dalam usaha kerajaan negeri memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat, kawasan-kawasan PBT akan dikecilkan dan sebahagianya akan diberikan kepada PBT yang baru untuk ditadbir," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Sambutan Hari Perbandaran Kelapan, Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) di Taman Masjid Tanah Ria, Masjid Tanah di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pengurus Jawatankuasa Negeri, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Datuk Md. Yunos Husin dan majlis sambutan penuh warna-warni itu disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob. Pada masa ini terdapat empat PBT iaitu Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) dan MPAG. Mohd. Ali berkata, kerajaan negeri juga menyasarkan MPAG, MPHTJ dan MPJ akan dinaiktaraf kepada bandar raya menjelang 2021 seperti MBMB yang setaraf dengan Melbourne, Australia dan Vancouver, Kanada. Majlis perasmian itu turut diserikan dengan persembahan konsert membabitkan enam artis terkenal tanah air terdiri daripada Jamal Abdillah, Datuk Ahmad Jais, Datuk Yusni Hamid, Faizal Tahir, Siti Nordiana dan kumpulan Sixth Sense.

2 Mei 2011 (Isnin)

Elaun sara hidup: LKIM diarah laksana pemutihan

PARIT BUNTAR 2 Mei – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) diminta melaksanakan proses pemutihan bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar bekerja sebagai nelayan sahaja yang menerima bantuan elauan sara hidup RM200 sebulan. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar berkata, ini kerana pada masa sekarang ada nelayan didapati sudah tidak turun ke laut, tetapi tetap menerima elauan tersebut. "Kerajaan memberikan elauan RM200 sebulan kepada nelayan sebagai insentif dan motivasi kepada mereka untuk turun ke laut bagi menambah hasil tangkapan ikan tetapi jika mereka tidak turun ke laut, ini bukan matlamat kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Parit Buntar di sini hari ini.

Beliau berkata peruntukan elaun itu hanya mempunyai kuota 70,000 nelayan sahaja, dan proses pemutihan itu akan dapat mengelak pertambahan perbelanjaan yang tidak sepatutnya. Noh berkata, Jabatan Perikanan juga diminta memperbaharui lesen nelayan untuk tempoh tiga tahun sekali bagi memudahkan nelayan menerima elaun sara hidup daripada LKIM mulai 1 Jun ini. – Bernama.

2 Mei 2011 (Isnin)

Sains & Teknologi - Pengurusan dokumen berteknologi hijau

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD ashriq.ahmad@utusan.com.my



SISTEM pengurusan sempurna berupaya mengurangkan masalah kesan rumah hijau.

Sedarkah anda berapa batang pokok perlu ditebang bagi menghasilkan kertas yang digunakan setiap hari di pejabat? Anda sewenang-wenangnya melemparkan kertas ke dalam tong sampah setelah tersalah cetak tanpa memikirkan ia merupakan satu pembaziran. Malah, kertas yang dibazirkan tersebut juga meningkatkan kos operasi sesebuah syarikat jika rata-rata pekerja berterusan mengamalkan tabiat tersebut. Bagi mana-mana pemilik syarikat, pastinya ia merupakan perkara yang seharusnya dielakkan demi menjamin kestabilan serta peningkatan mutu syarikat. Namun, ia mungkin dapat diselesaikan jika syarikat beralih kepada sistem pengurusan dokumen yang lebih tersusun dan berteknologi hijau yang dibangunkan Ricoh (M) Malaysia Sdn. Bhd. Pengurus Besar, Penyelesaian Teknologi, Ricoh (M) Malaysia Sdn. Bhd., Lim Chin Hian berkata, pengurusan dokumen dalam sesebuah syarikat amat penting dan ia merupakan nadi kepada kejayaan syarikat tersebut. "Sama ada dalam bentuk cetakan mahu pun salinan digital, maklumat syarikat amat penting untuk didokumenkan. "Justeru bagaimana kita mahu menyimpan segala dokumen tanpa perlu membazirkan kertas dan yang paling penting mengurangkan kos penggunaan kertas dan perkhidmatan cetakan," ujarnya.

Jelas Chin Hian, dengan menyerahkan sumber dokumentasi kepada Ricoh untuk diselenggarakan sesebuah organisasi tersebut bakal memperolehi kelebihan seperti kawalan yang lebih baik terhadap kos operasi dan meningkatkan produktiviti syarikat. Malah, kebanyakan syarikat tidak menyedari kos tersembunyi itu, malah kos untuk cetakan boleh mencapai tiga hingga empat peratus daripada jumlah perolehan sesebuah syarikat. Malah, aliran pencetakan masa kini dijangka meningkat saban tahun sebanyak tiga peratus dan ia akan terus meningkat. Sebagai sebuah organisasi yang profesional dalam perkhidmatan menguruskan sistem dokumen sesebuah syarikat, Ricoh bukan sahaja menawarkan perkhidmatan malah lebih merupakan satu jalinan kerjasama antara rakan kongsi perniagaan. "Kami mahu setiap syarikat yang menggunakan perkhidmatan pengurusan dokumen Ricoh dianggap sebagai rakan kongsi, bukan semata-mata pengendali perkhidmatan," ujarnya. Justeru bagaimana pula perkhidmatan pengurusan Ricoh mampu membantu menyelamatkan alam sekitar? Jelas Chin Hian, kebanyakan syarikat yang menjalankan apa juu jenis perniagaan tidak terlalu memikirkan tentang hal yang demikian.

"Justeru Ricoh hadir dengan satu sistem penyelesaian yang mampu menjimatkan penggunaan kertas untuk tujuan dokumentasi. "Malah, proses pencetakan juga akan dikawal selia penggunaannya bagi memastikan hanya dokumen yang benar-benar perlu sahaja dicetak," katanya. Selain itu, Ricoh turut memiliki strategi perniagaan yang mesra alam dan pada masa yang sama mampu meningkatkan keuntungan sesebuah syarikat.

Dikenali sebagai *Ricoh Pay Per Page*, ia dilihat mampu mengurangkan kesan rumah hijau atau *carbon footprint* yang telah lama menjadi isu kebanyakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) alam sekitar. Selain membantu mengekalkan kehijauan bumi, sebuah syarikat itu juga mampu mengurangkan kos produksi dokumen TCO (*Total Cost of Ownership*). Melalui sistem yang diperkenalkan, kos pencetakan dan penyalinan dokumen juga boleh dikurangkan sehingga 30 peratus tanpa memerlukan modal tambahan. Ia juga mampu mengurangkan penggunaan tenaga (cetak bila perlu), penggunaan kertas serta pelepasan gas karbon dioksida (CO₂). Ricoh's Pay Per Page Green merupakan pendekatan secara fakta melalui pelaksanaan audit terhadap jumlah pelepasan gas CO₂ setiap syarikat dan menjadikan TCO lebih telus. Berdasarkan situasi tersebut, penggunaan tenaga (semakin banyak dokumen dicetak, semakin banyak kertas dan tenaga digunakan) dan kos operasi yang semakin berkurang sekali gus memastikan kesan rumah hijau (*carbon footprint*) juga akan turut menyusut.

Mesra alam

Malah melalui laporan hijau yang disediakan oleh Ricoh, setiap pergerakan mahu pun operasi syarikat dalam proses mengoptimalkan keuntungan akan dikawal sehingga sasaran syarikat tersebut tercapai. Proses tersebut akan melalui tiga fasa iaitu, proses audit dan analisis akan dilakukan terhadap jumlah pelepasan CO₂ dan cetakan TCO. Kedua, melalui perancangan bagaimana mahu mengurangkan jumlah pelepasan CO₂ dan TCO, pada masa yang sama proses perniagaan terus dioptimumkan. Yang terakhir, RICOH akan melakukan pengesahan berkala terhadap pengurangan CO₂ and TCO kepada sebuah syarikat. Bagaimana RICOH mengira jumlah pengurangan CO₂ and TCO kepada sebuah syarikat? Menurut Chin Hian, pihaknya turut bekerjasama dengan universiti tempatan yang menyediakan formula tertentu bagi mengira pengurangan tersebut berdasarkan penjimatan tenaga serta jumlah kertas yang digunakan dalam setiap proses dokumentasi sebuah syarikat. Melalui formula tersebut, semakin jimat kertas digunakan maka semakin kurang pokok akan digunakan untuk menghasilkan kertas seterusnya membantu mengekalkan alam sekitar. Setiap syarikat yang menggunakan perkhidmatan RICOH bukan sahaja mampu mengurangkan kos mendokumentasi malah turut dipantau dalam aspek mengurangkan pelepasan gas CO₂. Apa yang pasti, kerjasama bersama Ricoh menjadikan perniagaan menjadi lebih mesra alam, kompetitif dan mampan. Untuk maklumat lanjut anda juga boleh melayari laman web Ricoh di www.ricoh.com.my atau PPPGreen@ricoh-europe.com untuk menjadikan perniagaan anda lebih mesra alam.

3 Mei 2011 (Selasa)

PAC gesa e-Kasih disemak supaya hanya layak sahaja terima bantuan

IPOH 3 Mei - Jawatankuasa Kira-Kira Wang (PAC) negeri Perak menggesa pihak berkuasa menyemak semula senarai golongan miskin dalam sistem e-Kasih bagi memastikan hanya mereka yang layak sahaja mendapat bantuan kebajikan kerajaan. Pengerusi PAC Perak, Datuk Seri Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar berkata, pihaknya menerima banyak aduan berhubung senarai e-Kasih yang didakwa tidak tepat sehingga menyebabkan golongan yang tidak sepatutnya turut menerima bantuan. "Senarai yang ada perlu diperhalusi melalui proses pemutihan dan ia perlu diselesaikan secepat mungkin bagi mengelak masalah ini berterusan sehingga menimbulkan kemarahan rakyat kepada kerajaan," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini. Beliau menambah, selain memastikan senarai yang ada lebih tepat, pengemaskinian data dalam senarai itu juga dapat mengurangkan risiko berlaku penyelewengan serta salah guna kuasa oleh pihak tidak bertanggungjawab.

4 Mei 2011 (Rabu)

Ekonomi - Syarikat diseru tubuh jawatankuasa tadbir urus

KUALA LUMPUR 4 Mei - Syarikat-syarikat diseru menubuhkan jawatankuasa tadbir urus untuk mengekalkan kelangsungan perniagaan dari segi tadbir urus, integriti dan etika yang baik. "Untuk memastikan lembaga pengarah sentiasa mengetahui tentang isu-isu kelangsungan, cara terbaik adalah menubuhkan lembaga penyeliaan berasingan untuk memantau pematuhan dari pelbagai segi dan bukan hanya laporan kewangan," kata Presiden Transparency International Malaysia (TI-M) Datuk Paul Low hari ini. Beliau berkata jawatankuasa itu harus menjadi saluran yang boleh dipercayai untuk menerima aduan. "Isu besar di sini adalah pematuhan, dan apa yang terbaik adalah mencipta budaya positif daripada peringkat tertinggi seperti pengarah dan pihak pengurusan untuk memastikan nilai-nilai seperti integriti dan kejujuran dipatuhi," katanya pada Persidangan Pengarah-pengarah Korporat di sini. Membentangkan kertas kerjanya bertajuk "Integriti Korporat dan Ketelusan bagi Kelangsungan Korporat", Low berkata, walaupun penyelewengan korporat seperti rasuah mungkin adalah isu yang sensitif untuk dibincangkan, ia adalah perkara yang memerlukan perhatian segera. Beliau berkata, syarikat-syarikat kini mula menerima baik tadbir urus dan telah mula menandatangani pakatan integriti atau perjanjian yang mengekang penyelewengan.

4 Mei 2011 (Rabu)

Ekonomi - Percetakan masih jadi pilihan utama pengiklan



KF LAI

KUALA LUMPUR 4 Mei - Pengendali pengiklanan mudah alih, BuzzCity Pte Ltd. (BuzzCity) meramalkan perbelanjaan pengiklanan melalui Internet di Malaysia meningkat tahun ini walaupun medium percetakan masih menjadi pilihan utama para pengiklan. Pengiklanan melalui Internet menguasai antara tiga hingga empat peratus pasaran di Malaysia pada tahun lalu berbanding percetakan yang melebihi 50 peratus. Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. KF Lai berkata, pihaknya mendapati sentimen tersebut masih tinggi di Malaysia berbanding di negara-negara maju yang lain.

"Kajian kami setakat tahun lalu, mendapati pengiklanan melalui televisyen dan Internet paling tinggi berbanding medium lain di Amerika Syarikat (AS) berikutan penggunaan teknologi maklumat yang tinggi di negara itu. "Manakala di Malaysia, medium percetakan dijangka kekal menjadi pilihan pengiklan walaupun dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang. Namun, trend perubahan ke pengiklanan Internet dijangka meningkat dari semasa ke semasa," katanya. Beliau berkata demikian selepas menyampaikan taklimat mengenai pengiklanan mudah alih dan penggunaannya di Malaysia, di sini hari ini. Tambah Lai, pengiklanan melalui Internet mudah alih dijangka meningkat 100 peratus pada tahun ini di Malaysia. Katanya, pada tahun lalu, sebanyak AS\$1.5 juta (RM 4.4 juta) dibelanjakan untuk pengiklanan melalui medium tersebut. "Berlaku peningkatan sebanyak 50 peratus berbanding perbelanjaan iklan melalui Internet mudah alih pada tahun 2009," ujarnya. Menurut Lai, kebanyakan pengiklan mengiklankan produk perkhidmatan seperti perbankan, insurans dan pelbagai lagi melalui Internet mudah alih.

4 Mei 2011 (Rabu)

MITI mulakan siasatan lindung import hot rolled coil

KUALA LUMPUR 4 Mei - Kerajaan kini memulakan penyiasatan bagi menentukan sama ada terdapat keterangan yang mencukupi mengenai kesan serius disebabkan oleh peningkatan import "hot rolled coil" (HRC) ke Malaysia yang semakin meningkat bagi tempoh tiga tahun lepas sehingga menjelaskan industri domestik. Permulaan penyiasatan pelindung terhadap pengimportan HRC itu akan dibuat dalam tempoh 90 hari dari tarikh siasatan dimulakan pada 1 Mei. "Penyiasatan lanjut akan dibuat sekiranya terdapat penentuan afirmatif terhadap hasil siasatan awal. "Dan kerajaan juga akan mengenakan langkah perlindungan sementara dalam bentuk dan jumlah yang akan ditentukan sehingga siasatan selesai bagi tujuan memberi perlindungan sementara yang setimpal untuk mengurangkan kesan kemudaratan kepada industri tempatan atas kenaikan import," demikian menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam satu kenyataan hari ini. HRC digunakan sebagai bahan asas dalam industri seperti automotif, pembinaan, elektrik dan elektronik, fabrikasi, kejuruteraan dan pembuatan. – Bernama. Kerajaan menjalankan siasatan berkenaan selepas menerima petisyen daripada Megasteel Sdn Bhd, mewakili industri tempatan yang mengeluarkan HRC, yang mendakwa pengimportan HRC meningkat antara 2007 dan 2010, menyebabkan kemudaratan serius kepada industri domestik. – Bernama

5 Mei 2011 (Khamis)

UUM kesal permohonan sambung rebat cukai tanah ditolak

ALOR SETAR 5 Mei – Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak kesal dengan keputusan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Kedah yang menolak permohonan untuk menyambung semula rebat cukai tanah universiti itu. Beliau berkata, pihaknya bagaimanapun akur dengan keputusan itu dan akan menjelaskan jumlah bayaran yang ditetapkan, namun akan mengadakan perbincangan untuk membayarnya secara ansuran. "UUM tidak ada pilihan melainkan terpaksa membayar jumlah itu sebab ini sudah kali kedua ditolak selepas 2009 dan kita tidak bercadang nak merayu lagi dalam tempoh terdekat. "Nak rayu apa kalau kepada orang yang sama, tapi kalau tukar kerajaan mungkin kita akan rayu," katanya ketika dihubungi di sini hari ini. Katanya, kerajaan negeri sepatutnya menghargai segala pengorbanan UUM yang menyumbang ke arah pembangunan akademik dan sosioekonomi setempat. – Bernama.

5 Mei 2011 (Khamis)

Parlimen - Surcaj air sejak Januari aniaya rakyat

PULAU PINANG 5 Mei – Langkah kerajaan DAP Pulau Pinang mengenakan surcaj air sejak Januari lalu untuk menjana pendapatan, merupakan satu penganiayaan kepada rakyat terutama golongan berpendapatan rendah. Shabudin Yahya (BN-Permatang Berangan) berkata, keputusan itu menyebabkan rakyat terpaksa membayar kadar harga air yang jauh lebih tinggi daripada biasa dan ia membebankan mereka setiap bulan. "Kadar surcaj dikenakan agak tinggi. Sebagai contoh, bil air saya untuk dua bulan ialah sebanyak RM173.50 dengan surcaj yang dikenakan sebanyak RM45.84. Sebagai ADUN, saya sendiri pun berasa agak tertekan untuk membayarnya, apatah lagi mereka berpendapatan rendah? "Bayangkan, untuk tiga bulan pertama tahun ini sahaja, kerajaan DAP Pulau Pinang berjaya mengutip RM2.12 juta hasil daripada surcaj yang dikenakan. Sepatutnya mereka membantu meringankan beban rakyat dan bukannya menekan seperti ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan usul ucapan terima kasih Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini hari ini. Justeru, kata Shabudin, Kerajaan DAP Pulau Pinang sepatutnya mencari kaedah lain untuk meningkatkan hasil negeri selain mengenakan surcaj kepada rakyat.

5 Mei 2011 (Khamis)

Tender projek MRT diketahui November

KUALA LUMPUR 5 Mei - Tender bagi setiap pakej projek laluan pertama Transit Aliran Massa (MRT) dari Kajang hingga ke Sungai Buloh yang menelan belanja berbilion ringgit akan diketahui sepenuhnya pada November ini. Pengarah Kumpulan Syarikat Prasarana Negara Bhd. (Prasarana), Zulkifli Mohd. Yusoff berkata, kontraktor terbabit akan dipilih berdasarkan rekod prestasi, kestabilan kewangan, pengalaman dan kepakaran dalam sektor tersebut. Beliau memberitahu, pihaknya komited dalam memastikan penyerahan projek itu dilakukan secara telus dan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan. "Sebahagian besar daripada projek itu akan diserahkan kepada syarikat tempatan manakala hanya pakej untuk pembinaan terowong sahaja akan diberikan kepada syarikat luar negara berdasarkan kepakaran mereka. "Pun begitu, pemberian tender kepada syarikat luar dilakukan dengan syarat ia perlulah berkerjasama dengan syarikat tempatan untuk mendapatkan tender terbabit," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Sebelum ini, Prasarana mengumumkan tender bagi pakej bahagian laluan akan dibuka kepada kontraktor yang layak mulai Jun ini bagi laluan pertama dari stesen Maluri ke Plaza Phoenix sejauh 14 kilometer. Ditanya mengenai reaksi orang ramai berhubung pelan pembinaan kereta api laju itu ketika ia diletakkan untuk pameran awam, beliau berkata, pihaknya menerima kira-kira 6,000 komen dan hampir 83 peratus daripadanya bersifat positif. "Tidak kurang juga mereka yang memberi cadangan untuk penambahbaikan dan ada juga yang yang mempersoalkan beberapa perkara termasuk bunyi bising, lokasi stesen dan perkhidmatan bas," jelasnya. Mengulas lanjut, Zulkifli berkata, kos keseluruhan projek tersebut hanya akan diketahui selepas laluan stesen ditetapkan. Pada 18 Disember lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan pelaksanaan projek MRT di Lembah Klang melibatkan laluan Sungai Buloh dan Kajang di mana kira-kira 20 peratus daripada laluan itu melibatkan terowong bawah tanah. Dijangka lebih 400,000 pengguna akan menggunakan perkhidmatan itu setiap hari apabila ia siap sepenuhnya dalam tempoh lima tahun akan datang kerana ia akan diintegrasikan dengan sistem transit aliran ringan (LRT) Kelana Jaya, LRT Ampang dan KTM Komuter.

5 Mei 2011 (Khamis)

Pejabat Tanah tolak permohonan rebat UUM - Azizan

BALING 5 Mei - Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri menolak permohonan Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk menyambung semula rebat cukai tanah universiti itu, kata Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak. Beliau berkata, justeru pihak universiti perlu menjelaskan bayaran pada kadar lama sebanyak RM1.7 juta atau terpaksa berhadapan dengan tindakan undang-undang sekiranya gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan. "Rayuan buat dah, tapi PTG tak setuju jadi kena bayar secepat mungkin (RM1.7 juta) atau boleh kena penalti sehingga RM90,000 lebih atau tanah kampus boleh dirampas," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak pembinaan kampus tetap Kolej Universiti Insaniah di Kuala Ketil di sini, petang semalam. – Bernama.

5 Mei 2011 (Khamis)

Rencana - TIADA WASIAT: RM42 BILION DIBEKU

TIADA siapa ambil peduli apatah lagi mahu bertanya khabar. Malah, kehadiran Mariam (bukan nama sebenar) dipandang sebagai "bebanan" di kalangan sanak saudaranya hanya disebabkan beliau lahir tidak sesempurna insan lain. Saat itu, pertalian saudara yang terjalin bagaikan sudah tiada ertinya lagi. Melihat Mariam terkapar-kapar meraih simpati di tatkala tiang bergantungnya selama ini iaitu ibunya, Zainab, meninggal dunia, menyebabkan orang kampung terpaksa menghantarnya ke rumah sri kenangan. Namun, tiba-tiba semuanya berubah. Sanak-saudaranya kembali menjenguk, bukan seorang dua tetapi ramai sejurus mengetahui Mariam meninggal dunia. Bukan disebabkan rasa kesal atas sikap kejengkilan mereka terhadap arwah, namun hanya kerana ingin "menuntut hak" apabila mengetahui Mariam meninggalkan harta yang agak banyak. Tatkala situasi sedemikian patut diiringi dengan bacaan ayat-ayat yasin disusuli pembacaan doa, namun keadaan sebaliknya berlaku apabila perebutan harta tercetus disebabkan tiadanya wasiat. Itu satu daripada ribuan kes yang berlaku hanya disebabkan tiadanya wasiat. Apatah lagi, pendedahan sebelum ini mengenai nilai harta pusaka yang dibekukan berikutan kes gagal diselesaikan pewaris kerana ketiadaan wasiat dianggarkan kini mencelik RM42 bilion, satu angka yang sangat besar dan perlu diambil perhatian.

Berdasarkan faktor itu, rasanya tidak salah kalau mengandaikan budaya penulisan wasiat di kalangan rakyat negara ini masih rendah. Melihat kepada senario ini, nampaknya ia berbalik kepada aspek kesedaran di kalangan masyarakat. Justeru, adakah benar kita masih kurang kesedaran akan kepentingan penulisan wasiat? Mengakui akan perkara tersebut, Ketua Pegawai Pemasaran Amanah Raya Bhd, (ARB) Ahmad Saruji Abdul Aziz berkata, tahap kesedaran penulisan wasiat di kalangan rakyat negara ini masih belum mencapai tahap memuaskan. Berbanding negara maju di barat, penulisan wasiat sudah menjadi satu kewajipan penting dan bukannya seperkara yang dilihat sebagai faktor mendoakan orang itu cepat mati. "Kalau dilihat kajian oleh Amanah Raya hanya 668,000 orang menulis wasiat sama ada di Amanah Raya ataupun di kalangan pemain industri dan daripada jumlah tersebut, 490,000 adalah dari Amanah Raya. Ini berdasarkan kajian tahun lepas. "Masih jauh lagi, kerana matlamat atau sasaran pasaran yang perlu diterokai (penulisan wasiat) adalah seramai tiga juta orang. Jadi, angka tiga juta berbanding 668,000 orang yang tulis wasiat, menunjukkan tahap kesedaran masyarakat masih jauh dan rendah," katanya kepada Bernama dalam satu temubual baru-baru ini. Bagaimanapun, kajian tersebut mendapati budaya penulisan wasiat di kalangan golongan muda profesional, menunjukkan satu reaksi memberangsangkan. "Biasanya trend buat wasiat ini adalah di kalangan orang tua, warga emas. Tetapi, sekarang sudah ramai golongan muda tampil untuk membuat wasiat," katanya. — BERNAMA

6 Mei 2011 (Jumaat)

Pendidikan - 55 jawatan pengetua akan diisi segera

PETALING JAYA 6 Mei - Kementerian Pelajaran akan mengisi kekosongan jawatan pengetua di 55 buah sekolah menengah kebangsaan (SMK) dan sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK) dalam tempoh terdekat. Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Wee Ka Siong berkata, hanya guru dalam gred DG52 layak menjadi pengetua di kedua-dua jenis sekolah tersebut mengikut ketetapan dan kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). "Kita sedang mengendalikan urusan 55 jawatan kosong pengetua ini dan ia akan diisi secepat mungkin," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Menghantar Peserta Pameran Sains dan Kejuruteraan (ISEF) Intel 2011 ke California, Amerika Syarikat di sini, hari ini.

Mengulas mengenai biasiswa JPA yang bakal diumumkan Isnin ini, Ka Siong yakin ia tidak akan meliputi kesemua lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang layak. "Bagi biasiswa JPA ini, kita akan memilih calon yang terbaik dan paling sesuai sahaja," katanya.

7 Mei 2011 (Sabtu)

Percepatkan projek di Baram

MIRI 7 Mei - Kerajaan Pusat diminta mempercepatkan pelaksanaan beberapa projek pembangunan yang telah diluluskan untuk kawasan luar bandar di negeri ini terutama di kawasan Parlimen Baram. Ahli Parlimennya, Datuk Jacob Dungau Sagan berkata, antara projek yang telah diluluskan di kawasan itu ialah projek hidroelektrik di Long Banga membabitkan kos RM6 juta, jalan dari Sekolah Kebangsaan (SK) Long Banga ke padang terbang Long Banga (RM1 juta), Klinik 1 Malaysia Long Jekitan (RM500,000), Jalan Marudi/Miri (RM60 juta) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Kee Tee, Long Lama (RM1 juta). Beliau yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, harapan itu selaras dengan konsep 1 Malaysia yang sentiasa mengutamakan keperluan rakyat sekali gus meningkatkan serta memberikan khidmat terbaik kepada mereka. "Saya telah menghadiri mesyuarat pengurusan Barisan Nasional (BN) baru-baru ini dan telah mengutarakan pelbagai isu pembangunan.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sendiri telah bersetuju untuk memberi perhatian terhadap projek-projek tersebut," katanya ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan Luar Bandar (MPLB) dan Mesyuarat Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP) Baram di sini, hari ini. Sementara itu, Jacob turut menyatakan komitmen untuk membuat tindakan susulan dengan Kerajaan Pusat berhubung pelaksanaan projek berkenaan bagi memastikan ia dilaksanakan secara berperingkat sebelum pilihan raya umum akan datang.

7 Mei 2011 (Sabtu)

Rebat cukai tanah UUM: Kerajaan Kedah tidak bijak

BUKIT KAYU HITAM 7 Mei – Kerajaan negeri Kedah yang diterajui Pas telah mengambil tindakan tidak bijak kerana menolak permohonan rebat cukai tanah Universiti Utara Malaysia (UUM), kata Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Kedah, Datuk Wira Mohd Johari Baharom. Beliau berkata kerajaan Kedah sewajarnya menyokong usaha UUM untuk mencapai taraf kelas dunia dan menggalakkan perkembangannya untuk menjadi lebih popular. "Kerajaan Kedah sebaliknya mengambil kesempatan untuk mendapat sedikit keuntungan dari cukai tersebut sebanyak RM1.7 juta," katanya mengulas keputusan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Kedah menolak permohonan UUM itu. Menteri Besar Datuk Seri Azizan Abdul Razak mengumumkan Rabu lepas bahawa PTG menolak rayuan UUM dan memberi tempoh sehingga Jun ini kepada universiti itu menjelaskan cukai tersebut. Sebelum ini UUM membayar RM150,000 sahaja. "Sebagai ahli Parlimen Kubang Pasu, saya amat kesal dengan tindakan kerajaan Kedah kerana mereka mempunyai kuasa eksekutif untuk membatalkan keputusan PTG itu," kata Mohd Johari.

8 Mei 2011 (Ahad)

UUM nafi kenyataan Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.

SINTOK 8 Mei – Universiti Utara Malaysia (UUM) menafikan dakwaan Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) kononnya warga kampus itu melakukan pembaziran air sehingga mencecah 302.7 liter sehari. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UUM, Prof. Dr. Abdul Razak Saleh berkata, pihaknya turut menolak dakwaan berlaku pembaziran air di UUM sebanyak 2.1 juta liter sehari melalui air tanpa hasil (NRW) di kampus tersebut. “Bagaimana UUM hendak membazir air sedangkan SADA tidak membekalkan air yang mencukupi seperti yang diperlukan? Kita memerlukan sejumlah 12.5 juta liter air sehari tetapi SADA hanya membekalkan 9.5 juta liter air sehari,” katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini. Baru-baru ini, Ketua Pegawai Eksekutif SADA, Datuk Adzmi Din berkata, warga UUM melakukan pembaziran air mencecah 302.7 liter sehari berbanding rakyat Malaysia 230 liter air sehari dan purata rakyat Kedah menggunakan air dalam lingkungan 250 liter air sehari.

Abdul Razak berkata, dakwaan berkenaan adalah tidak tepat dan karut kerana SADA hanya mengambil kira penggunaan air oleh 34,000 pelajar sahaja. Sedangkan, tegasnya, penggunaan air di kampus UUM perlu mengambil kira keperluan 700 unit kediaman kakitangan berkeluarga dan 400 unit kediaman pelajar yang berkeluarga tinggal di kawasan UUM serta keperluan kakitangan UUM sendiri yang berjumlah hampir 4,000 orang. Malahan, katanya, SADA juga tidak mengambil kira penggunaan air oleh 3,000 pelajar Program Eksekutif dan Pelajar Luar Kampus (PLK) pada setiap hujung minggu. “Bekalan air juga diperlukan oleh Pusat Latihan Perhotelan yang memuatkan 88 bilik dengan kapasiti lebih 100 penghuni setiap hari dan 600 peserta di Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN). “Selain itu, bekalan air juga diperlukan di 10 kedai dobi, sebuah kolam renang bersaiz olimpik, 1,000 kakitangan anak-anak syarikat UUM serta waris dan tetamu universiti yang berkunjung ke UUM. Semua aspek ini tidak diambil kira oleh pihak SADA,” jelasnya.

8 Mei 2011 (Ahad)

Cukai UUM: Kerajaan negeri diminta guna budi bicara



JAMIL KHIR BAHAROM bersalaman dengan seorang ahli Pemuda UMNO pada Persidangan Perwakilan Pemuda dan Wanita UMNO Bahagian Tebrau di Johor Bahru, semalam.

JOHOR BAHRU 8 Mei – Kerajaan Pas Kedah diminta menggunakan budi bicara dan kuasa yang ada untuk menyambung rebat cukai tanah Universiti Utara Malaysia (UUM). Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, mesyuarat exco yang

dipengerusikan Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai penyambungan rebat cukai tanah berkenaan jika benar-benar mahu membantu universiti berkenaan. “Janganlah jadikan Pejabat Tanah dan Galian sebagai kambing hitam dalam soal ini. Jika kerajaan negeri ingin membantu, mesyuarat exco mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenainya,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda dan Wanita UMNO Bahagian Tebrau di Hotel Selesa, Pasir Gudang dekat sini hari ini.

Beliau mengulas rayuan UUM mengenai penyambungan rebat cukai tanah yang ditolak oleh kerajaan negeri. Berdasarkan keputusan itu, UUM bukan sahaja perlu membayar cukai tanah RM1.74 juta setahun, malah bakal dikenakan penalti hampir RM100,000 jika masih enggan atau gagal menjelaskan cukai tersebut sebelum 1 Jun ini. UUM telah menghantar rayuan kali keenam pada 19 April lalu selepas lima rayuannya untuk menyambung semula pemberian rebat cukai ditolak kerajaan negeri. Jamil Khir berharap kerajaan negeri Kedah mendahuluikan kepentingan pendidikan rakyat khususnya generasi muda dan kebajikan penuntut universiti tersebut dalam isu itu. Malah menurutnya, kewujudan UUM di Kedah telah banyak memberi impak positif khususnya kepada pembangunan dan ekonomi negeri serta penduduk di sekitar kampus universiti itu. "Dengan adanya UUM di Sintok, kawasan sekitar membangun dengan pesat dan ia juga memberi impak kepada banyak sektor seperti perumahan, perniagaan dan pengangkutan awam," katanya.

12 Mei 2011 (Khamis)

Krisis air menjelang 2014?

TAHUKAH pembaca kita bakal menghadapi krisis kekurangan air menjelang 2014 jika tabiat membazir dan penggunaan cara sekarang terus diamalkan? Presiden Persatuan Air Malaysia (MWA), Ahmad Zahdi Jamil baru-baru ini mendedahkan, jika amalan itu terus menjadi ikutan oleh rakyat Malaysia, 2014 menyaksikan negara akan kekurangan 476 juta liter sehari. Tak ramai yang tahu mengenai perkara ini kerana bagi mereka air mudah diperoleh dan murah, lebih-lebih lagi ada kerajaan negeri yang memberikan air percuma pada satu-satu kadar. Ini semua akan melekakan kita. Air digunakan dengan sewenang-wenangnya. Malah, segelintir dari kita tidak akan risau jika melihat paip bocor atau semburan air daripada paip pecah di tepi jalan. Saya sering melihat perkara ini dan sering juga menghubungi rakan-rakan di Syabas untuk membolehkan pembaziran dari apda kebocoran paip itu ditamatkan. Namun ada sesetengah kes, perkara itu saya lihat mengambil masa yang agak lama dan pembazirannya dilihat amat tinggi. Itu dari segi air tidak berhasil (NRW), dan jika kita lihat di sekeliling kita, sebenarnya kita juga turut membazir. Menurut Ahmad Zahdi, seorang penduduk Malaysia secara 'mewah' menggunakan 280 liter air sehari. Ya sehari. Berbanding jiran kita di Singapura (155 liter), Filipina (175 liter) dan Indonesia (130 liter).

Kita sebenarnya boleh menjimatkan air dalam pelbagai perkara. Sebagai contoh, selepas kita membuang air kecil, pastinya kita akan mengepam dan ini sebenarnya menggunakan air yang banyak. Apa kata, semasa mandi, mengambil wuduk atau memberus gigi, air yang digunakan itu boleh ditadah dan ia boleh digunakan untuk menjirus mangkuk tandas selepas membuang air kecil. Kita juga boleh menyimpan air basuhan beras untuk digunakan untuk menyiram pokok bunga dan ini turut memberikan 'zat' tambahan secara tidak langsung kepada pokok bunga kita. Sebenarnya banyak lagi cara kita boleh menjimatkan air dan perkara itu perlu dilakukan sekarang dan bukan muhu menunggu sehingga krisis air menjadi lebih buruk. Dan menurut Ahmad Zahdi cara paling mudah untuk menekang perkara ini ialah menjadikan penggunaan air itu mahal. Dan saya menyokong usaha itu. Ini secara tidak langsung akan menyedarkan pengguna mengenai kepentingan penggunaan air. Ingin saya mengingatkan diri sendiri dan pembaca, bahawa jika kehabisan air, tidak ada cara untuk kita dapatkan air kembali berbanding elektrik. Malah, jika air tiada, kacau bilau boleh berlaku di dalam sesebuah negara. Bayangkan.

12 Mei 2011 (Khamis)

MBJB rugi RM180,000 setahun

Oleh HANIZA HASSEN utusanjohor@utusan.com.my



Mohd. Jaffar Awang (dua dari kanan) beramah mesra dengan seorang peniaga di Pasar Kampung Melayu, kelmarin.

JOHOR BAHRU 12 Mei – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) kerugian kira-kira RM180,000 setahun berikutan tindakan segelintir pihak yang tidak mendaftarkan perniagaan mereka. Datuk Bandar Johor Bahru, Mohd. Jaffar Awang berkata, daripada bancian awal yang dijalankan, terdapat

hampir 30,000 peniaga di seluruh bandar raya ini yang menjalankan pelbagai jenis perniagaan. Beliau berkata, berdasarkan jumlah tersebut, dianggarkan 20 peratus atau 6,000 peniaga tidak mendaftarkan perniagaan mereka. “Pemeriksaan lesen perniagaan dan iklan yang digerakkan oleh 500 petugas MBJB bertujuan mengenal pasti jumlah peniaga yang ada di kawasan bandar raya di samping menggalakkan mereka yang belum mendaftarkan perniagaan untuk berbuat demikian. “Data benci yang diperoleh nanti akan digunakan sepenuhnya oleh MBJB dalam melaksanakan program pembangunan peniaga di dalam bandar raya ini,” katanya sempena Program Turun Padang Banci Lesen Perniagaan dan Iklan MBJB 2011 di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Ketua Whip MBJB, Tan Hong Hua dan Ahli Majlis Zon Kampung Melayu, Azman Dawam. Dalam pada itu Mohd. Jaffar berkata, pihaknya telah memohon peruntukan sebanyak RM25 juta daripada kerajaan Persekutuan untuk kerja-kerja menaik taraf Pasar Kampung Melayu di sini supaya lebih teratur dan kondusif kepada pengguna. Beliau berkata, kerja-kerja membaik pulih dan naik taraf itu akan dijalankan sebaik sahaja mendapat peruntukan berkenaan. “Daripada tinjauan yang kita buat, didapati terdapat kerosakan di kawasan perniagaan penjaja di pasar tersebut serta masalah bau busuk akibat keadaan longkang dan saliran yang tidak diselenggara dengan betul dan sempurna. “Saya akan memastikan pihak yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan kebersihan melaksanakan tugas mereka dengan sistematik dan berjadual,” katanya.

12 Mei 2011 (Khamis)

Impak Alam - FAMA mahu tambah keluasan tebu telur

TANJONG KARANG 12 Mei — Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), menyasarkan untuk menanam tebu telur di kawasan seluas 1,000 hektar tanah menjelang akhir tahun depan dalam usaha meningkatkan tanaman komoditi itu. Pemangku Ketua Pengarahnya, Ahmad Ishak berkata, beliau yakin sasaran itu boleh dicapai menerusi program ladang kontrak FAMA untuk membantu pengusaha tanaman tebu telur berskala kecil dan sederhana memasarkan hasil secara teratur. “Kini terdapat 700 hektar sahaja tanaman tebu telur yang diusahakan 1,000 pengusaha di seluruh negara dan kami merancang meningkatkan saiz tanah untuk tanaman ini kepada 1,000 hektar dengan penyertaan 1,500 pengusaha menjelang akhir tahun depan,” katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri program peningkatan pasaran hasil tani: ‘Tanam Untuk Jual’ yang dirasmikan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar di sini, hari ini. Ahmad berkata, penanaman tebu telur kini tertumpu di Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor.

"Pada tahun ini, di Tanjung Karang sahaja, sebanyak 15.6 hektar tanah diusahakan dengan tebu telur oleh 14 petani dan yakin ia boleh ditambah kepada 40 hektar melibatkan 20 hingga 30 petani pada masa akan datang," katanya. Beliau berkata, kini pihaknya juga bercadang memperluaskan pasaran tanaman tebu telur ke negara-negara Timur Tengah dan Brunei selain Singapura. — Bernama.

14 Mei 2011 (Sabtu)

Orang tengah tipu pencarum Perkeso

MUAR 14 Mei - Orang ramai dinasihati tidak menggunakan khidmat orang tengah semasa membuat tuntutan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso). Pengurus Perkeso Daerah Muar, Jamalluddin Mohammad berkata, pihaknya mengesan terdapat beberapa individu tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan sebagai orang tengah dengan mengenakan bayaran kepada pencarum atau waris semasa membuat tuntutan. "Orang tengah ini menuntut bahagian sebanyak 10 peratus daripada waris pencarum dengan kononnya ia diperlukan sebagai bayaran kepada pihak Perkeso. "Sebenarnya, Perkeso tidak pernah menuntut bayaran perkhidmatan dan orang tengah itu sebenarnya mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan," katanya selepas majlis penyerahan faedah Perkeso di sini semalam. Bagi mengelakkkan pencarum atau waris tertipi, beliau menasihati mereka beruruskan terus dengan pegawai Perkeso yang bertugas.

18 Mei 2011 (Rabu)

PTPTN peruntuk RM6 bilion pinjaman tahun ini

MARAN 18 Mei - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memperuntukkan RM6 bilion untuk pinjaman kepada 235,000 penuntut institusi pengajian tinggi awam dan swasta tahun ini. Pengurusnya Datuk Ismail Mohamed Said berkata, peruntukan itu sebagai usaha berterusan kerajaan melahirkan generasi baru negara yang berpendidikan tinggi. "PTPTN menambah jumlah pinjaman daripada RM2 bilion kepada RM6 bilion tahun ini supaya pelajar dapat menumpukan perhatian penuh kepada pelajaran," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) peringkat Parlimen Kuala Krau di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Jengka di sini, hari ini. — Bernama.

20 Mei 2011 (Jumaat)

Rencana- Pastikan tiada lagi syarikat menipu kerajaan

SITI NURAISYAH HAZIRAH ZAINAL ABIDIN Kuala Lumpur

KEBANJIRAN pelancong asing yang kemudian bertukar menjadi pendatang sah serta pekerja asing yang bekerja di negara ini sudah cukup menakutkan kita selaku rakyat Malaysia yang risaukan mengenai keselamatan diri dan keluarga. Sehingga kini, banyak jenayah yang dipaparkan di surat khabar dilakukan oleh rakyat asing yang masuk ke negara kita secara sah ataupun haram. Nampaknya amat mudah rakyat asing memasuki negara ini tanpa melalui pemeriksaan yang ketat seperti yang dilaksanakan oleh negara-negara maju. Isu keselamatan negara perlulah diambil perhatian dan dititikberatkan oleh kerajaan terutama Kementerian Dalam Negeri (KDN). Oleh itu sistem keselamatan dalam negara sangat wajar dibangunkan dan diselenggara oleh warga tempatan bagi memastikan "kebocoran" maklumat tidak berlaku terhadap sistem tersebut yang boleh dimanipulasikan untuk kepentingan negara asing.

Dalam konteks ini, terdapat beberapa rakyat Malaysia sendiri menjadi "keldai" untuk menjadi tunggangan sama ada syarikat atau rakyat asing semata-mata untuk mendapatkan sedikit imbalan tanpa memikirkan kesan jangka panjang kepada kestabilan negara ini. Selepas satu demi satu kes penipuan dan rasuah melibatkan syarikat asing yang didalangi oleh rakyat tempatan, kita masih tidak serik dengan kes-kes berprofil tinggi yang serupa. Terbaru adalah pengumuman Kerajaan Malaysia untuk mengetatkan kawalan sempadan negara dalam mengawal kemasukan pelawat dan pekerja asing ke dalam negara. Pengumuman telah dibuat bahawa sistem baru yang dicadangkan akan menggunakan Sistem Biometrik Dermalog. Terdapat dakwaan bahawa pasport pelancong atau pekerja warga asing yang akan dilekatkan satu keping kertas dinamakan ID yang dicetak dengan "2D Barcode" berkualiti rendah. Kawan-kawan saya dari luar negara terkejut penggunaan teknologi ini yang akan digunakan mulai Jun 2011 oleh Kerajaan Malaysia.

Menurut mereka memang Dermalog dari Jerman menduduki tempat No. 1 sistem Biometrics Test di negara itu. Kedudukan itu diperolehi kerana pembekal sistem biometrik yang lain telah menolak untuk menyertai ujian ini. Dalam ujian NIST yang diakui secara antarabangsa, Dermalog hanya menduduki peringkat kelima. Negara Dunia Ketiga seperti Indonesia dilaporkan membayar AS\$1.9 juta untuk sistem biometrik Dermalog pada tahun 2006 tetapi sejak itu dihentikan awal tahun ini (2011) kerana masalah ketepatan dan prestasi yang serius. Mengikut maklumat daripada pakar biometrik, Dermalog sebagai pembekal peralatan biometrik kepada syarikat asing itu telah gagal mendapatkan sebarang projek selama tiga tahun disebabkan isu-isu ketepatan dan prestasi. Mengapa kita perlu mengundur dalam teknologi jika kita ingin menjadi negara maju? Mengapa kita perlu menggunakan sistem biometrik Dermalog sedangkan Negara-negara Dunia Ketiga seperti Indonesia, Thailand dan Filipina telah pun menolaknya? Kerajaan Malaysia tidak sepatutnya menyokong penggunaan teknologi yang mudah disalin, dipalsukan, tidak selamat, berasaskan kertas pengenalan yang boleh ditanggalkan berbanding dengan kad pengenalan pekerja asing bercip dengan turisan laser yang digunakan dua tahun lalu.

Penggunaan pengenalan warganegara atau pekerja asing berasaskan kertas pelekat dengan "2D Barcode" mudah salin, tidak selamat dan akan mengancam keselamatan negara. Malah berpotensi untuk menjadi bahan ketawa di kalangan industri. Saya juga menerima maklumat daripada kawan yang bekerja di sebuah balai polis, amat memerlukannya iaitu syarikat yang mencadangkan kad pengenalan kertas dengan "2D Barcode" dan Sistem Biometric Dermalog itu adalah syarikat tempatan yang membuat pernyataan palsu kepada kerajaan bahawa mereka dimiliki 49 peratus oleh syarikat asing, tetapi sebenarnya 100 peratus milik syarikat asing!

Yang menjadi kekhawatiran ialah adanya perancangan untuk mewujudkan unsur-unsur salah iaitu dengan menukar hak milik projek kepada satu syarikat baru dikatakan milik bumiputera namun ia masih dikuasai oleh golongan yang telah menipu kerajaan dari segi pemilikan dan kewangan. Perkara ini berlaku disebabkan terdapat matlamat 'asal' kerajaan iaitu setiap pemberian projek berimpak tinggi harus dikuasai oleh rakyat Malaysia, oleh itu syarikat tempatan yang sebenarnya dimiliki pemegang saham asing itu mengambil kesempatan hendak menipu dan terus tipu kerajaan! Apakah kerajaan ingin patah balik ke belakang dalam isu sistem teknologi? Kenapa menerima bulat-bulat cadangan menggunakan teknologi yang dunia sudah mengetahui ia tidak berbaloi digunakan dan boleh mengakibatkan lebih banyak keburukan. Benar, bukan rakyat Malaysia yang akan membayar penggunaannya tetapi setiap pekerja asing yang ingin bekerja di Malaysia dikenakan bayaran yang dicadangkan sebanyak RM50 bagi setiap permohonan. Akhirnya kerajaan menjadi pekerja untuk mengutip bayaran yang menguntungkan syarikat asing tetapi memberi kita teknologi yang rendah! Jika teknologi yang digunakan dibuktikan tidak selamat, dan harga yang dicadangkan itu sama ada dalam bentuk kontrak atau konsesi jauh lebih tinggi daripada harga pasaran, kenapa masih ada pihak mahu menggunakan dan menyokong membayar lebih 20 kali ganda berbanding dengan harga pasaran!

Macam mana kita hendak jadi negara maju jika ada pegawai hanya pandai menjaga kepentingan diri daripada menjaga kepentingan negara atau rakyat? Jangan tertipu dengan cadangan atau persembahan yang canggih dari pihak luar kerana ia belum terjamin kejujuran dan kekekalan kualiti yang dibekalkan nanti. Saya cintakan Malaysia dan berharap negara kita menggunakan teknologi yang tinggi, terbukti berkesan dan seterusnya sistem yang lebih selamat.

22 Mei 2011 (Ahad)

Rencana - Di manakah agenda bumiputera UDA ?

Oleh DR. SITI NABIHA ABDUL KHALID Universiti Sains Malaysia

INDEKS prestasi utama (KPI) yang ditetapkan ialah pemilikan harta tanah bumiputra di kawasan bandar, sasarannya 30 peratus, jangka masa pencapaian 20 tahun. Pelan tindakan merangkumi penubuhan agensi pelaksana berserta dengan penggubalan polisi dan akta parliment. Setelah perdebatan di Parliment, Akta 46, Pembangunan Bandar 1971 diluluskan. Lahirlah Lembaga Kemajuan Bandar (UDA) pada 12 November, 1971 dengan harapan yang tinggi, mengalas amanah mengisi kemerdekaan. Fungsi UDA jelas termaktub dalam akta tersebut. UDA bertanggungjawab untuk "mempromosi dan menjalankan projek dalam kawasan pembangunan bandar dengan fokus untuk mencapai keseimbangan peluang antara kaum dalam bidang perdagangan dan industri , perumahan dan aktiviti-aktiviti lain" UDA juga adalah agensi yang bertanggungjawab untuk "menterjemahkan polisi kerajaan mengstruktur masyarakat melalui pembangunan perbandaran kepada program-program tindakan"

Pelbagai hak dan keistemewaan diberikan pada UDA supaya dapat menjalankan tanggungjawabnya memaju dan melaksanakan projek-projek di kawasan pembangunan bandar bagi mengimbangkan kedudukan taraf sosio ekonomi antara kaum di Malaysia. Pelan tindakan merangkumi pembinaan premis perniagaan bagi menyediakan peluang bagi kaum bumiputera bermiaga di kawasan yang strategik disamping pembangunan atau penempatan semula di kawasan bandar dan pembangunan bandar-bandar baru. Setelah hampir 40 tahun, adakah sasaran dicapai? Adakah hak milik harta tanah bumiputera di kawasan bandar melebihi sasaran 30 peratus? Data menunjukkan pemilikan bumiputera untuk premis industri hanya 4.5 peratus dan bangunan pula pada tahap 12.7 peratus. Terlalu jelas sasaran tidak dicapai, kita telah gagal. Apakah tindakan pembetulan yang telah dibuat? Apakah tindakan diperhebat untuk mencapai sasaran?

Atau sasarnya dikira mustahil untuk dicapai, lalu pencapaiannya bukan lagi menjadi sasaran? Atau indek prestasinya telah diabaikan sama sekali, ia bukannya matlamat pada masa kini? Atau tindakan lain diajukan? Rizabkan harta tanah Melayu supaya mereka tidak menjual pegangan hakmilik sebagai jalan pintas mendapat keuntungan? Apakah tindakan UDA sebagai agensi pelaksana yang ditubuhkan untuk mencapai sasaran 30 peratus pegangan harta tanah bumiputera di kawasan bandar dalam projek-projek barunya? Kata pengurus UDA, "Realiti ekonomi kini memaksa untuk berpisah daripada amalan biasa menetapkan kuota pemilikan bumiputera dalam projek-projek kami. Model perniagaan sekarang akan mempunyai campuran optimal pembeli yang mempunyai kelebihan kuasa pembelian untuk memastikan peningkatan nilai harta tanah di masa hadapan UDA tidak boleh lagi mensubsidikan agenda bumiputera tanpa mengambil kira pulangan atas pelaburan".

Strategik

Tidak hairanlah jika projek pembangunan UDA di kawasan strategik di bekas Penjara Pudu di kawasan Bukit Bintang, Kuala Lumpur akan dibuat berdasarkan permintaan pasaran. UDA akan membina projek pembangunan bercampur yang menempatkan pusat transit, service apartment, pejabat, pusat rekreasi, hotel dan ruang niaga. UDA akan membangunkan projek yang bertaraf tinggi, walaupun ianya diluar kemampuan sebilangan besar kaum bumiputera, tetapi masih boleh dimiliki oleh bumiputra yang kaya. UDA ingin menghidupkan persekitaran perniagaan yang lebih kompetitif.

Hasilnya, UDA sekarang akan memberikan fokus kepada aspek keberuntungan dalam projek pembangunannya. Hasilnya, tiada kuota bumiputra ditentukan dalam projek tersebut walaupun UDA membayar harga premium yang rendah untuk tanah tersebut. Hasilnya, keseimbangan ekonomi antara kaum dan agenda sosial bukan lagi menjadi matlamat utama UDA. Adalah ironik sekali, kritikan pengurus UDA kepada bumiputera juga boleh ditujukan juga kepada UDA. Tidakkah tindakan UDA ini sama dengan bumiputera lain yang menjual rumah dibeli dengan harga diskon kepada kaum lain untuk mendapat keuntungan? UDA merasakan ia mempunyai kekangan untuk melaksanakan dan seterusnya mencapai matlamat asalnya iaitu untuk membantu dan memastikan penyertaan bumiputera baik dari segi pegangan hakmilik rumah mahupun premis perniagaan di kawasan bandar. Jadi dikatakan tindakan UDA in adalah untuk menjana dana supaya dapat mengalas agenda bumiputera di masa depan. Jika pada masa kini, agenda bumiputera tidak diperdulikan, apakah jaminan, ianya akan dibuat dimasa hadapan?

Jika itu adalah pelan strategik UDA, bukannya lebih baik bagi kerajaan untuk membuat tender terbuka dan menjual tanah dibekas penjara pudu pada harga semasa yang tinggi. Pulangan ini dapat digunakan untuk projek sosial membantu rakyat Malaysia, yang lebih memerlukan bantuan yang majoritinya terdiri daripada golongan bumiputera. Data juga menunjukkan bahawa 79 peratus daripada mereka yang berpendapatan rendah, iaitu kurang daripada RM1,000 adalah golongan bumiputera. Adakah agenda bumiputera akan tercapai jika pembangunan baru UDA adalah untuk bumiputera yang kaya. Apakah perbezaan UDA dengan syarikat-syarikat hartanah yang lain? Bagaimana dengan usaha untuk mengupayakan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang hanya tercapai apabila ada komitmen untuk menyediakan ruang berniaga kepada usahawan bumiputera dan juga perumahan mampu milik di kawasan bandar? Adakah UDA telah lari daripada agenda bumiputera? Apakah sasaran memperkasa dan melahirkan MPPB akan timbul dengan cara ini?

23 Mei 2011 (Isnin)

Apa jaminan agenda bumiputera UDA?

Oleh DR. SITI NABIHA ABDUL KHALID PENULIS ialah Pensyarah di Universiti Sains Malaysia

INDEK prestasi utama (KPI) yang ditetapkan ialah pemilikan harta tanah bumiputera di kawasan bandar, sasarannya 30 peratus, jangka masa pencapaian 20 tahun. Pelan tindakan merangkumi penubuhan agensi pelaksana berserta dengan penggubalan polisi dan akta di Parlimen. Setelah perdebatan di Parlimen, Akta 46, Pembangunan Bandar 1971 diluluskan. Lahirlah Lembaga Kemajuan Bandar (UDA) pada 12 November 1971 dengan harapan yang tinggi, menggalas amanah mengisi kemerdekaan. Fungsi UDA jelas termaktub dalam akta tersebut. UDA bertanggungjawab untuk "mempromosi dan menjalankan projek dalam kawasan pembangunan bandar dengan fokus untuk mencapai keseimbangan peluang antara kaum dalam bidang perdagangan dan industri, perumahan dan aktiviti-aktiviti lain."

UDA juga adalah agensi yang bertanggungjawab untuk "menterjemahkan polisi kerajaan menstruktur masyarakat melalui pembangunan perbandaran kepada program-program tindakan." Pelbagai hak dan keistimewaan diberikan pada UDA supaya dapat menjalankan tanggungjawabnya memaju dan melaksanakan projek-projek di kawasan pembangunan bandar bagi mengimbangi kedudukan taraf sosio ekonomi antara kaum di Malaysia. Pelan tindakan merangkumi pembinaan premis perniagaan bagi menyediakan peluang bagi kaum bumiputera bermiaga di kawasan yang strategik di samping pembangunan atau penempatan semula di kawasan bandar dan pembangunan bandar-bandar baru. Setelah jangka masa yang lama, hampir 40 tahun, adakah sasaran dicapai? Adakah hak milik harta tanah bumiputera di kawasan bandar melebihi sasaran 30 peratus? Data menunjukkan pemilikan bumiputera untuk premis industri hanya 4.5 peratus dan bangunan pula pada tahap 12.7 peratus. Terlalu jelas sasaran tidak dicapai, kita telah gagal. Apakah tindakan pembetulan yang telah dibuat? Apakah tindakan diperhebat untuk mencapai sasaran? Atau sasarnya dikira mustahil untuk dicapai, lalu pencapaian bukan lagi menjadi sasaran? Atau indeks prestasinya telah diabaikan sama sekali, ia bukannya matlamat pada masa kini? Atau tindakan lain diajukan? Apakah tindakan UDA sebagai agensi pelaksana yang ditubuhkan untuk mencapai sasaran 30 peratus pegangan harta tanah bumiputera di kawasan bandar dalam projek-projek barunya?

Kata pengurus UDA, "Realiti ekonomi kini memaksa untuk berpisah daripada amalan biasa menetapkan kuota pemilikan bumiputera dalam projek-projek kami... Model perniagaan sekarang akan mempunyai campuran optimal pembeli yang mempunyai kelebihan kuasa pembelian untuk memastikan peningkatan nilai harta tanah di masa hadapan... UDA tidak boleh lagi mengsubsidikan agenda bumiputera tanpa mengambil kira pulangan atas pelaburan." Tidak hairanlah jika projek pembangunan UDA di kawasan strategik di bekas Penjara Pudu di kawasan Bukit Bintang, Kuala Lumpur akan dibuat berdasarkan permintaan pasaran. UDA akan membangunkan projek yang bertaraf tinggi, walaupun ia di luar kemampuan sebilangan besar kaum bumiputera, tetapi masih boleh dimiliki oleh bumiputera yang kaya. UDA ingin menghidupkan persekitaran perniagaan yang lebih kompetitif. Hasilnya, UDA sekarang akan memberikan fokus kepada aspek keberuntungan dalam projek pembangunannya. Hasilnya, tiada kuota bumiputera ditentukan dalam projek tersebut walaupun UDA membayar harga premium yang rendah untuk tanah itu. Hasilnya, keseimbangan ekonomi antara kaum dan agenda sosial bukan lagi menjadi matlamat utama UDA?

UDA merasakan ia mempunyai kekangan untuk melaksanakan dan seterusnya mencapai matlamat asalnya iaitu untuk membantu dan memastikan penyertaan bumiputera baik dari segi pegangan hak milik rumah maupun premis perniagaan di kawasan bandar. Jadi dikatakan tindakan UDA ini adalah untuk menjana dana supaya dapat menggalas agenda bumiputera di masa depan. Jika pada masa kini, agenda bumiputera tidak dipedulikan, apakah jaminan ia akan dibuat di masa hadapan? Jika itu adalah pelan strategik UDA, bukannya lebih baik bagi kerajaan untuk membuat tender terbuka dan menjual tanah di bekas Penjara Pudu pada harga semasa yang tinggi. Pulangan ini dapat digunakan untuk projek sosial membantu rakyat Malaysia, yang lebih memerlukan bantuan yang majoritinya terdiri daripada golongan bumiputera. Data juga menunjukkan bahawa 79 peratus daripada mereka yang berpendapatan rendah, iaitu kurang daripada RM1,000 adalah golongan bumiputera. Adakah agenda bumiputera akan tercapai jika pembangunan baru UDA adalah untuk bumiputera yang kaya. Apakah perbezaan UDA dengan syarikat-syarikat harta tanah yang lain? Bagaimana dengan usaha untuk mengupayakan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang hanya tercapai apabila ada komitmen untuk menyediakan ruang bermiaga kepada usahawan bumiputera dan juga perumahan mampu milik di kawasan bandar? Adakah UDA telah lari daripada agenda bumiputera? Apakah sasaran memperkasa dan melahirkan MPPB akan timbul dengan cara ini? Di sini, arah tuju UDA harus dinilai dan dibuat tindakan pembetulan.

UDA telah menempuh pelbagai transformasi untuk memperkasakan peranannya. Apakah yang terjadi di antara polisi yang dibuat dan pelaksanaannya oleh agensi yang bertanggungjawab? Nampaknya sejarah berulang kembali. Akta Perbadanan Pembangunan Bandar telah dimansuhkan pada tahun 1996 untuk membolehkan pensyarikatan UDA. Rasional pensyarikatan UDA seperti dinyatakan semasa pembentangan pindaan akta tersebut di Parlimen adalah kerana UDA harus bersaing dengan syarikat swasta dan kemampuan bersaing adalah terbatas disebabkan UDA terikat dengan prosedur dan peraturan kerajaan. Pensyarikatan akan mencepatkan proses membuat keputusan dan juga dapat memberi insentif perkhidmatan kepada pegawai-pegawai UDA seperti mana syarikat swasta yang lain. Ini diharap dapat "meningkatkan moral dan kesetiaan kakitangan." Dinyatakan juga semasa pembentangan di Parlimen, pensyarikatan UDA dijangkakan "tidak akan menjelaskan dasar dan objektif penubuhan dan serta hasrat kerajaan untuk melaksanakan projek-projek sosial, melaksanakan program pembangunan usahawan dan menyusun semula masyarakat."

UDA disenaraikan di Bursa Saham pada tahun 1999. Sembilan ahli pihak pengurusan tertinggi UDA pada waktu itu, telah membeli 25 peratus daripada saham UDA supaya dapat ditingkatkan moral dan komitmen pekerja. Namun saham ini dijual dua tahun kemudian. Setelah menjadi sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham, fokus UDA adalah lebih kepada faktor keuntungan perniagaan. Tindakan untuk membangunkan ekonomi Melayu di kawasan bandar tidak diberi perhatian. Oleh sebab pensyarikatan UDA telah menjelaskan dasar dan objektif penubuhan serta hasrat kerajaan untuk melaksanakan program pembangunan usahawan dan menyusun semula masyarakat, UDA telah dimilikan negara pada tahun 2006 dengan hasrat supaya ia kembali memfokuskan aktivitinya kepada matlamat asal iaitu keseimbangan ekonomi antara kaum dengan meningkatkan pemilikan harta tanah bumiputera di bandar. Seperti kata menteri yang bertanggungjawab pada waktu itu: "Kita perlu balik kepada usaha meningkatkan lagi usaha-usaha supaya bumiputera berjaya sebagai usahawan dan wujud dalam bandar. Maknanya, kehadiran Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera di dalam bandar perlu dipertingkatkan. Kerajaan mengambil alih UDA Holdings diharap dapat mengembalikan semula 'zaman emas' golongan peniaga Melayu dan bumiputera di kawasan bandar." Apakah zaman emas ini telah kembali setelah UDA dimiliki negara?

24 Mei 2011 (Selasa)

UKAS JPM sasar kontrak bernilai RM30 bilion pada 2011

KUALA LUMPUR 24 Mei - Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di Jabatan Perdana Menteri berharap dapat melaksanakan kontrak bernilai kira-kira RM30 bilion tahun ini. Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Dr. Ali Hamsa berkata, terdapat beberapa projek lebuh raya bertol masih dalam rundingan iaitu Lebuh raya Pantai Barat, Lebuh raya Guthrie-Damansara dan Lebuh raya Bertingkat Ampang-Cheras-Pandan. Beliau berkata, projek lain dalam perancangan ialah institusi pengajian dan penyelidikan perubatan yang terkenal di dunia, Johns Hopkins University. Beliau berkata demikian kepada pemberita di sini selepas perasmian Bengkel Siri Kedua Perkongsian Awam Swasta oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop. - Bernama

24 Mei 2011 (Selasa)

Rencana - Letak UDA di bawah Mara

Oleh DR. SITI NABIHA ABDUL KHALID DR. SITI NABIHA ABDUL KHALID ialah pensyarah di Universiti Sains Malaysia



UNTUK memastikan peningkatan dalam peratus pemilikan harta tanah Melayu di kawasan bandar, UDA dicadangkan diletak di bawah Majlis Amanah Rakyat (Mara).

APAKAH zaman emas ini telah kembali setelah Lembaga Kemajuan Bandar (UDA) dimiliki negara? Jelas, polisi dan pelaksanaannya tidak seiring. Faktor keuntungan kini mengatasi agenda sosial dalam membina masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Adakah ini satu polisi baru UDA atau adakah ini polisi baru kerajaan yang diterjemahkan oleh tindakan UDA? UDA harus ingat kepada hasrat penubuhannya dan kenapa ia dimiliki negara dan mendapat tanah pada premium yang rendah. Sebagai contoh, tanah kampung Melayu Tanjung Tokong di Pulau Pinang diberi secara percuma kepada UDA dengan bayaran nominal RM1. Pemberian tanah ini berdasarkan dengan amanah Allahyarham Tun Abdul Razak yang melawat dan meninjau keadaan kampung tersebut pada 1972. Setelah mendengar ucapan pemimpin kampung mengenai sejarah kampung, dengan pesanan Tun Abdul Razak "sejarah biarlah tinggal kenangan, marilah menuju pembangunan", kampung yang berusia lebih 100 tahun diamanahkan kepada UDA. Janji Tun Abdul Razak adalah untuk membangunkan persekitaran perumahan yang selesa untuk penduduk kampung itu supaya taraf sosio-ekonomi penduduk ditingkatkan.

Namun, perumahan yang dibangunkan oleh UDA dan kesan pembangunan adalah amat menyedihkan sekali. Kawasan tersebut menjadi high rise slum. Pembangunan yang dibuat adalah berdasarkan takrifan sempit konsep perumahan. Penempatan semula penduduk kampung dibuat tanpa melihat kepada sosio budaya penduduk dan kesan daripada pembangunan tidak mesra. Janji Tun Abdul Razak masih tidak tertuna. Jelas sekali, penempatan semula penduduk kampung yang telah dibuat tidak mencapai objektifnya. Adalah tidak hairan jika penduduk kampung mempunyai pandangan yang amat sinis pada UDA. Kini, pembangunan kedua akan dijalankan di kampung tersebut. Diuar-uarkan bahawa tanah kampung itu milik UDA, dan penduduk pula mendudukinya tanah secara haram. Apakah hukum apabila pihak yang diberi amanah, lupa kepada amanahnya, dan menganggap harta yang diamanahkan sebagai hak miliknya. Takrifan sempit perumahan masih lagi digunakan. Penduduk kampung dirasakan harus bersyukur kerana UDA akan mengamalkan konsep ganti rumah secara percuma.

Apakah pelan UDA untuk keseluruhan tanah kampong tersebut. Apakah dibuat perumahan dan persekitarannya yang bakal meningkatkan kualiti hidup penduduk kampung? Ataupun pembangunannya juga termasuk pusat komersial dan lain-lain bagi menjana keuntungan? Pada masa dulu, anak-anak kampung bermain layang-layang mahupun berenang di tepi laut. Ibu-ibu pula beriadah mencari siput remis atau melihat anak-anak bermain layang-layang di tepi pantai. Sekarang, pantai telah hilang disebabkan oleh tebusguna tanah sebanyak 1,000 ekar di hadapan kampung. Projek perumahan mewah dan pusat membeli belah dibina di tanah tebusguna di hadapan kampung ini. Pantai tempat rekreasi penduduk telah hilang dan digantikan dengan kawasan perumahan eksklusif untuk pihak lain. Oleh itu, pembangunan ini untuk siapa? Sebahagian kampung ini terdiri atas tanah tebusguna yang dibuat pada 1950an sebelum kemerdekaan.

Di atas tanah tebusguna inilah dibina perumahan untuk penduduk kampung. Rumah-rumah itu dijual dengan harga RM1,500 pada 1956 kepada penduduk jati kampung tersebut. Tetapi selepas kemerdekaan lain pula berlaku. Selepas memegang tumpuk pemerintahan pada 2008, antara langkah awal yang dibuat oleh ketua menteri yang baru adalah melawat kampung tersebut. Beliau disambut dengan harapan kerajaan negeri yang baru ini dapat menyelesaikan permasalahan kampung melayu tertua yang merupakan antara saki baki kampung melayu yang masih wujud di kawasan pulau di Pulau Pinang. Namun, dikatakan pula selepas itu, projek kampung ini adalah di bawah kuasa kerajaan pusat. Agak menghairankan pendirian kerajaan negeri sebegitu memandangkan kelulusan projek pembangunan adalah di bawah bidang kuasa majlis perbandaran yang sememangnya di bawah kawalan kerajaan negeri. Kini beberapa kali banjir berlaku di kampung ini, terutama selepas adanya projek mewah di hadapan kampung. Walaupun permasalahan banjir dan nyamuk yang disebabkan oleh rumah yang dirobohkan tidak dbersihkan di bawa kepada ADUN dan EXCO yang bertanggungjawab, ia masih tidak diatasi. Dengan rumah pangsa yang dibina, tempat rekreasi tiada, di manakah kanak-kanak dan remaja kampung akan pergi? Melepak di pusat membeli belah?

Perumahan dan persekitarannya mempunyai implikasi kepada tahap pelajaran dan kualiti hidup dan keadaan sosial sesebuah komuniti. Perumahan bukan hanya menyediakan dinding dan bumbung sebagai tempat berteduh sahaja. Persekutuan perumahan adalah amat penting. Pembangunan perumahan di kampung itu seharusnya untuk memperbaiki kualiti hidup tanpa memusnahkan alam sekitar selaras dengan tujuan tanah diberi kepada UDA dan juga polisi perumahan negara. UDA telah mengalami pelbagai transformasi. Daripada sebuah perbadanan bertukar menjadi syarikat dan kemudiannya dimiliknegarakan. Namun, posisi UDA masih sama, masih terdapat kesamaran dan kekaburuan dalam menjalankan program tindakan dalam menterjemahkan polisi kerajaan menstruktur masyarakat melalui pembangunan perbandaran. Polisi yang dirangka dan tindakan terjemahan adalah tidak seiring. Apakah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera dapat dilahirkan apabila objektif pembangunan di kawasan strategik adalah menyediakan ruang niaga mahupun perumahan untuk bumiputera yang kaya? Apakah ini dikatakan keadilan sosial dan membantu bumiputra yang sepatutnya dibantu? Adakah tujuan untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera telah lebur dan digantikan dengan masyarakat pelabur hartaanah bumiputera?

Apakah sasaran pemilikan ditingkatkan dengan cara pelaburan melalui skim hartaanah kerajaan sahaja? Untuk memastikan pemilikan hartaanah bumiputera kekal, Pengerusi UDA menyarankan agar dirizabkan hartaanah Melayu. Untuk memastikan peningkatan dalam peratus pemilikan hartaanah Melayu di kawasan bandar, yang kini pada tahap rendah, dan seterusnya menjanakan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, UDA patut diletakkan di bawah Majlis Amanah Rakyat (Mara). Tambahan pula, dengan cara ini usaha untuk membangunkan masyarakat pedagang dan perindustrian bumiputera dapat di koordinasi dengan lebih sempurna. Salah satu permasalahan berkaitan pelaksanaan agenda bumiputera ini adalah pelbagai agensi yang bertanggungjawab, jadi timbul kelemahan dalam koordinasi mahupun perselisihan tugas dan tanggungjawab antara agensi-agensi ini. Pihak manakah yang memantau pelaksanaan agenda ini dan pencapaiannya? Siapakah akhirnya bertanggungjawab atas pencapaian sasaran ini? Oleh itu, dengan adanya UDA di bawah Mara, koordinasi dapat dibuat dan juga Mara menjadi satu badan one stop center untuk pembangunan usahawan bumiputera. Mara pada asalnya berperanan menjana pembangunan bumiputera di kawasan luar bandar sedangkan UDA pula di kawasan bandar. Adalah lebih baik pembangunan bumiputera sama ada di bandar ataupun di luar bandar disatukan. Tambahan pula, penyusunan semula Mara lebih tertumpu kepada usaha membantu golongan usahawan bumiputera dari segi pengisian modal insan dan tidak lagi dilihat dari aspek membina bangunan semata-mata. Dengan adanya UDA sebagai sebuah unit di bawah Mara, keseluruhan rantaian pelaksanaan dapat dinilai dan tindakan pembetulan dapat dibuat dengan lebih pantas.

Lebih-lebih lagi, dengan cara ini, peranan Mara dapat dimantapkan. Oleh itu, UDA patut diletakkan di bawah Mara supaya tujuannya adalah jelas. UDA ditubuhkan bukan untuk kepentingan UDA meraih keuntungan semata-mata. Jika tidak, bubarkan sahaja UDA.

24 Mei 2011 (Selasa)

UDA sedia dedah nama syarikat

KUALA LUMPUR 24 Mei – UDA Holdings Bhd. bersedia untuk mendedahkan semua nama syarikat yang terbabit dalam pembentangan kertas cadangan pembangunan tapak bekas Penjara Pudu jika ia mendapat kebenaran lembaga pengaruhnya. Bagaimanapun Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, setakat ini belum ada sebarang perjanjian dibuat oleh syarikat itu dengan mana-mana pihak berhubung pembangunan tapak tersebut. Jelasnya, ia disebabkan pihaknya sedang mendapatkan pandangan serta maklumat daripada semua kementerian dan jabatan kerajaan yang berkaitan dalam pelaksanaan projek berkenaan. “Saya merujuk kepada laporan media mengenai kenyataan Timbalan Pengurus Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang, Datuk Musa Sheikh Fadzir bahawa saya adalah pembohong berhubung pembabitan kontraktor bumiputera dalam projek itu. Ini amat tidak wajar. “Saya sedih kerana kenyataan itu keluar dari mulut rakan saya dalam UMNO yang sepatutnya boleh menghubungi saya secara peribadi bagi mendapatkan penerangan.

“Sebagai seorang ahli UMNO dan ketua UMNO bahagian, saya berpegang teguh dan menjunjung amanah serta tanggungjawab parti untuk berjuang serta mempertahankan agama, bangsa dan negara,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini. Beliau mengulas kenyataan Musa yang meminta pengurusan UDA Holdings Bhd. supaya jangan membohongi rakyat kononnya tiada syarikat bumiputera yang mampu membangunkan Penjara Pudu kecuali syarikat hartanah dari China. Kata Musa, berdasarkan maklumat, terdapat lima syarikat bumiputera yang layak serta mempunyai keupayaan dan kapakanan untuk membangunkan tapak berkenaan. Mengulas lanjut, Nur Jazlan hairan bagaimana Musa mendapat maklumat mengenai lima syarikat bumiputera berkenaan yang menyertai pembentangan kertas cadangan pembangunan tapak bekas penjara tersebut. “Dari mana beliau mendapat sumber itu? Siapa yang memberi beliau maklumat? Ia berikutnya maklumat mengenainya masih dalam perbincangan Ahli Lembaga Pengarah UDA Holdings Bhd. dan ia diklasifikasikan sebagai sulit,” tegasnya.

24 Mei 2011 (Selasa)

Letak UDA di bawah Mara keputusan PM – Shafie Apdal

KUALA LUMPUR 24 Mei – Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menerima dengan ‘tangan terbuka’ cadangan meletakkan UDA Holdings Bhd. (UDA) di bawah Majlis Amanah Rakyat (Mara). Bagaimanapun Menterinya, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, perkara itu bergantung sepenuhnya kepada keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sama ada mahu mengekalkan UDA sebagai sebuah agensi atau sebaliknya. “Kita di peringkat kementerian tiada masalah dengan cadangan itu, tetapi semuanya bergantung kepada keputusan Perdana Menteri. “Namun, yang penting tidak kira sama ada UDA kekal berdiri sendiri atau berada di bawah Mara, agenda membantu bumiputera terutama dalam bidang keusahawanan perlu menjadi keutamaan,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Pegawai Mara Daerah Se-Malaysia 2011, di sini hari ini. Beliau mengulas mengenai cadangan seorang pensyarah Universiti Sains Malaysia, Dr. Siti Nabiha Abdul Khalid supaya UDA diletakkan di bawah Mara.

Dalam artikel bertajuk ‘Letak UDA di bawah Mara’ yang disiarkan Utusan Malaysia hari ini, menurut Siti Nabiha, ia bagi membolehkan usaha membangunkan masyarakat pedagang dan perindustrian bumiputera dapat diselaraskan dengan lebih sempurna. Mohd. Shafie berkata, isu sama ada UDA berada di bawah Mara atau tidak, bukan menjadi keutamaan kementerian yang kini lebih memfokus dalam pembangunan bumiputera serta penduduk di luar bandar. Dalam perkembangan lain, beliau menyeru pegawai Mara daerah supaya kerap turun padang bagi mengenal pasti permasalahan masyarakat terutama anak-anak bumiputera yang memerlukan bantuan pendidikan. “Kita sudah mengorporatkan bahagian yang menguruskan proses pinjaman di Mara, oleh itu pegawai Mara di daerah-daerah mempunyai banyak masa untuk turun padang. “Jangan hanya duduk di kerusi empuk. Jumpa akar umbi dan selesaikan masalah mereka dengan berkesan. Jangan tunggu mereka datang kepada kita kerana kita yang perlu turun padang menyelesaikan apa juar masalah rakyat,” tegas beliau.

25 Mei 2011 (Rabu)

Ekonomi - UDA jual tanah kepada Mutiara

KUALA LUMPUR 25 Mei – Uda Holdings Bhd. menjual tanah pegangan bebas kepada Mutiara Goodyear Development Bhd. (Mutiara) pada harga tunai sebanyak RM215.5 juta. Tanah yang terletak di sebelah Hotel Sheraton Imperial itu disasarkan untuk pembangunan komersial pencakar langit dengan keluasan lantai 1.2 juta kaki persegi. Nilai pembangunan kasar projek itu adalah melebihi RM1 bilion. Pengerusi Eksekutif Mutiara, Hamidon Abdullah berkata, pembelian tanah itu merupakan strategik syarikat itu untuk meningkatkan bank tanah dan memenuhi permintaan kukuh bagi di Kuala Lumpur. “Lokasi ini memberi peluang kepada Mutiara untuk membuktikan kemahiran kami menyediakan produk berkualiti tinggi di kawasan segi tiga emas,” katanya. Pembangunan itu dijangka dimulakan dalam tempoh setahun dan dibangunkan mengikut beberapa fasa dalam tempoh lima tahun.

25 Mei 2011 (Rabu)

PAC Perak mahu jabatan, agensi pantau sendiri projek

IPOH 25 Mei – Jawatankuasa Kira-Kira Wang (PAC) Negeri Perak menegur jabatan dan agensi kerajaan kerana tidak memantau pelaksanaan projek-projek pembinaan bangunan milik mereka kerana menyebabkan pembaziran apabila projek lewat. Pengerusinya, Datuk Seri Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar berkata, sikap menyerahkan kepada pihak ketiga untuk membuat pemantauan didapati antara punca beberapa projek pembinaan lewat disiapkan dan kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan bagi menyiapkannya. "Jika jabatan atau agensi tidak mempunyai kepakaran teknikal dalam memantau kerja-kerja melibatkan pembinaan bangunan, mereka perlu bertindak mengisi kekosongan itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat PAC Perak di sini hari ini. "Agensi kerajaan diminta tidak lagi mengambil sikap lepas tangan kerana setiap kerja yang diserahkan hendaklah siap mengikut jadual bagi mengelak pembaziran. Kita juga tidak mahu peningkatan kos dalam pembinaan disebabkan kesilapan kontraktor dan untuk itu menggesa supaya semua kerja-kerja yang sedang dijalankan dipantau dengan kerap," katanya. Raja Ahmad Zainuddin berkata, pada masa kini mungkin beberapa agensi sahaja yang mempunyai kepakaran teknikal untuk membuat pemantauan bersama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR). "Masalah itu boleh diatasi dengan setiap agensi atau jabatan mewujudkan unit teknikal dan sentiasa membuat pemantauan terhadap bangunan milik mereka yang sedang dalam pembinaan dan yang sudah diduduki," katanya. Beliau berkata kelewatan atau kegagalan kontraktor menyiapkan sesbuah bangunan mengikut jadual adalah pembaziran wang awam kerana belanja tambahan terpaksa diluluskan bagi melantik kontraktor baru dan sebagainya.

Katanya, PAC juga mulai sekarang akan meningkatkan usaha memantau projek-projek yang sedang dalam pembinaan bagi memastikan masalah itu tidak berlaku. Pemantauan perlu dipertingkatkan kerana sering kali kelewatan akan dituding kepada kontraktor sahaja sedangkan banyak isu boleh diatasi jika projek-projek itu sentiasa dipantau dan masalah yang dihadapi oleh kontraktor dibantu dengan segera. – Bernama.

25 Mei 2011 (Rabu)

Tarah bukit serius di NS

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL utusanN9 @utusan.com.my

SEREMBAN 25 Mei - Aktiviti pencerobohan hutan dan menarah bukit secara haram di negeri ini adalah serius terutamanya di kawasan Hutan Lipur Batu Maloi di daerah Tampin. Perkara ini didedahkan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan menjelaskan sebanyak lima bukit di kawasan hutan berkenaan telah pun ditarah oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. "Kerajaan negeri kesal dengan kejadian ini dan tindakan ke atas individu terbabit telah pun diambil oleh pihak berkuasa," katanya. Mohamad berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Wisma Negeri di sini hari ini. Katanya, selain di daerah Tampin beberapa kawasan di Jelebu serta Rembau turut dikenal pasti sebagai lokasi pencerobohan dan penebangan haram yang dibuat pihak berkepentingan dengan menggunakan Orang Asli di kawasan berkenaan. "Tidak mungkin ia dilakukan oleh Orang Asli sendirian kerana mana mampu mereka hendak menyewa jentolak dan alat pemotong pokok yang besar. "Ini dilakukan oleh pihak ketiga yang mengambil kesempatan daripada Orang Asli untuk melakukan kerja yang menyalahi undang-undang ini," katanya.

Tambah Mohamad, beberapa kawasan yang ditarah itu pula telah dibina penempatan di lereng bukit dan keadaan ini membahayakan jika berlaku pergerakan tanah. Justeru, beliau meminta Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan dan polis untuk memantau perkembangan ini secara serius dan mengelakkan daripada pencerobohan dilakukan terhadap hutan simpan milik kerajaan ini. "Isu Orang Asli ini rumit kerana mereka dilindungi di bawah Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu perkara ini tidak boleh dibiarkan dan perlu ada mekanisme untuk menanganinya," jelasnya. Jelasnya, kalau ditinjau di kawasan Hutan Simpan Batu Maloi itu ketika ini, yang kini menjadi kawasan tадahan air dan taman rekreasi, ia amat mendukacitakan. "Kita akan terus menahan mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab menceroboh hutan ini. Lambat laun perancangnya akan tumbang juga," ujar Mohamad.

26 Mei 2011 (Khamis)

Selangor audit kontrak MDKS

SHAH ALAM 26 Mei - Kerajaan Selangor akan menjalankan audit khas terhadap semua kontrak yang diberikan kepada kontraktor pembersihan yang menjalankan kerja-kerja pembersihan awam di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS). Sekretariat Akhbar Pejabat Menteri Besar Selangor dalam satu kenyataan hari ini menyatakan tindakan itu perlu sebab mengikut semakan awal yang dibuat, kerajaan negeri mendapati MDKS telah meluluskan perbelanjaan melebihi had yang dibenarkan untuk kerja-kerja pembersihan awam. "Akibat dari lebihan caj tersebut, MDKS kini mempunyai hutang tertunggak sebanyak RM18 juta yang tidak dibayar sejak 15 bulan lalu dan semakan itu akan mengenal pasti punca kelewatan bayaran tertunggak tersebut," menurut kenyataan itu.

Semalam, sebanyak 33 kontraktor pembersihan berkenaan meminta kerajaan negeri Selangor melunaskan bayaran perkhidmatan tertunggak yang didakwa berjumlah RM18 juta untuk kerja-kerja pembersihan awam di sekitar kawasan Kuala Selangor.

28 Mei 2011 (Sabtu)

Impak Alam - Penguat kuasa lemah atau tidur?

Oleh Mohd. Hazli Hassan

MEMBACA mengenai kisah tragedi yang menimpa anak-anak yatim dan penghuni Rumah Anak-Anak Yatim dan Anak-Anak Hidayah Madrasah Al-Taqwa, Hulu Langat pasti meruntun jiwa kepada sesiapa yang membacanya. Kisah bagaimana anak-anak yang tidak berdosa itu terperangkap di dalam runtuhan tanah dan juga terpaksa menahan kesakitan pasti akan membuatkan sesiapa sahaja mengalirkan air mata. Semua itu bukan kehendak mereka namun disebabkan kerakusan sesetengah pihak, mereka yang menjadi mangsa. Kita kerap mendengar agar ada satu badan memantau mengenai kejadian tanah runtuh di negara kita sejak tragedi Highland Towers yang mengorbankan 48 nyawa pada tahun 1993, namun ia seakan-akan sepi. Selepas itu seolah-olah menjadi efek domino, kejadian tanah runtuh semakin banyak terjadi dan menariknya ia berlaku di lingkungan kawasan Karak, Hulu Yam hingga ke Ampang. Apa signifikan mengenai kejadian ini? Pemantauan kurang atau penguatkuasaan kurang? Bukan saya mahu menuding jari kepada sesiapa namun mereka yang sepatutnya diamanahkan untuk memantau dan menguatkuasakan undang-undang bagi saya tidak membuat kerja dengan teliti. Tidak kiralah negeri itu ditadbir oleh kerajaan atau pihak pembangkang namun ia masih terus berlaku. Kenapa? Adakah setiap kali ada nyawa yang terkorban, baru tindakan akan diambil? Adakah setiap kali ada harta benda yang musnah baru tindakan mahu diambil?

Ada pihak mengaitkan dengan hujan lebat dan saya tidak menafikan ia juga merupakan faktor penyumbang namun bagi saya adalah kerakusan manusia dalam penerokaan tanah dan juga memusnahkan hutan untuk mengambil hasil bumi antara penyebab dan asas berlakunya tanah runtuh. Bukan apa, Allah sudah menjadikan muka bumi ini amat sempurna namun kita sendiri yang mengubahnya dan kejadian tanah runtuh yang berlaku di negara ini mempunyai kaitan dengan apa yang sudah manusia lakukan kepada alam sekitar. Apa pun, itulah lumrah manusia, tidak akan sedar dan akan terus alpa selepas kejadian itu reda. Manakala pihak berkuasa akan terus tutup mata atau ‘tidur’ jika tidak ada kejadian buruk berlaku. Bagi orang ramai yang berada di lereng-lereng bukut, perhatikan apa saja pergerakan tanah atau kejadian pelik yang berlaku. Biapun sedikit, namun ia akan menjadi malapetaka jika tidak diendahkan. Lapor kepada pihak berkuasa jika berlaku sebarang perubahan seperti pokok tumbang, tanah merekah, air keluar dari tebing tanah atau aliran air semakin deras. Jika pihak berkuasa tidak mengambil peduli, lapor kepada kami dan biar kami siarkan bagi membolehkan pemimpin tahu yang pihak berkuasa itu tidak membuat kerja. Ingat, jangan sampai ada lagi nyawa melayang hanya disebabkan kita tidak peduli dengan keadaan alam sekeliling dan hargailah saki baki alam sekitar yang ada. Al-Fatihah.

29 Mei 2011 (Ahad)

TPM arah UDA serah laporan

Oleh ABDUL MUIN SAPIDIN dan ROKIAH ABDULLAH pengarang@utusan.com.my



MUHYIDDIN Yassin bersalaman dengan AJK UMNO Bahagian sebelum merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Bayan Baru di Pulau Pinang, semalam.

PULAU PINANG 29 Mei – Kerajaan mengarahkan UDA Holdings Bhd. menyediakan satu laporan lengkap mengenai kedudukan sebenar pelaksanaan projek pembangunan tapak bekas Penjara Pudu bernilai RM6.7 bilion yang menimbulkan kontroversi ketika ini. Timbalan

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, laporan lengkap projek dikenali Bukit Bintang City Centre (BBCC) itu penting bagi memberi gambaran mengenai proses pelaksanaan projek tersebut yang didakwa meminggirkan syarikat bumiputera. Laporan itu, katanya, akan dibawa ke Kabinet untuk dinilai sama ada sistem pemilihan yang digunakan UDA bagi memilih syarikat pelaksana projek itu dibuat mengikut peraturan atau bertentangan dengan dasar sedia ada. “Saya membaca polemik antara Datuk Musa Sheikh Fadzir (Timbalan Pengurus Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang) dan beberapa Yang Berhormat lain mengenai UDA. Jawapan Pengurus UDA (Datuk Nur Jazlan Mohamed) nampak tidak memuaskan hati. “Kita akan minta laporan lengkap daripada UDA sendiri untuk memaklumkan kepada kabinet apakah kedudukan sebenarnya,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Bayan Baru di sini hari ini.

Kemelut pembangunan bekas tapak Penjara Pudu mula hangat apabila pengurusan UDA Holdings Bhd. dikhaskan berminat untuk melantik sebuah syarikat harta tanah terkemuka dari China bagi membangunkan BBCC atas alasan tiada syarikat bumiputera yang layak. Bagaimanapun, Nur Jazlan memberi jaminan bahawa langkah tersebut tidak akan menjelaskan syarikat bumiputera kerana bakal wujud situasi menang-menang antara kedua-dua pihak. Musa pula dalam reaksinya meminta pengurusan UDA Holdings Bhd. supaya jangan membohongi rakyat kononnya tiada syarikat bumiputera yang layak kerana mendakwa, terdapat lima syarikat bumiputera yang mempunyai keupayaan serta kapakan untuk membangunkan projek berkenaan. Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, pihaknya dimaklumkan bahawa tender sudah dibuka kepada beberapa syarikat dan ia akan diputuskan oleh pihak UDA dan Kementerian Kewangan. “Dalam hal ini, kita juga harus bersifat telus lebih-lebih lagi UDA merupakan sebuah agensi kerajaan dan tujuannya adalah membangunkan tanah. Tapak yang disediakan pula adalah kawasan berharga tinggi yang sepatutnya dibangunkan,” ujarnya.

30 Mei 2011 (Isnin)

Akauntan Negara nafi tawar khidmat proses tuntutan wang tak dituntut

KUALA LUMPUR 30 Mei - Kementerian Kewangan menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati dan tidak terpengaruh dengan e-mel atau surat makluman yang mengaitkan Akauntan Negara Malaysia. Surat itu menawarkan perkhidmatan untuk membantu dalam memproses tuntutan wang tidak dituntut dengan mengenakan kadar yuran atau caj perkhidmatan tertentu. Menurut kenyataan Kementerian Kewangan yang dikeluarkan di sini hari ini, Akauntan Negara Malaysia tidak pernah menghantar sebarang e-mel atau apa-apa bentuk makluman kepada mana-mana individu atau syarikat untuk menawarkan perkhidmatan memproses tuntutan wang

tidak dituntut. Katanya, Akauntan Negara Malaysia juga tidak pernah melantik mana-mana individu atau syarikat sebagai ejen dan tidak mengenakan sebarang yuran atau caj perkhidmatan untuk menguruskan tuntutan bayaran balik wang tidak dituntut. "Maklumat mengenai wang tidak dituntut yang telah diserahkan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk diwartakan pada setiap tahun dan salinan pewartaan tersebut boleh didapati di Perpustakaan Negara untuk semakan umum. "Wang tidak dituntut yang diserahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara, boleh dituntut pada bila-bila masa oleh pihak yang mempunyai hak ke atas wang tersebut," jelas kenyataan itu lagi. Kementerian Kewangan memberitahu, semua permohonan atau sebarang kemusyikan hendaklah dikemukakan terus kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut, Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti, Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Katanya, orang ramai juga boleh menghubungi talian 03-20341850 atau faksimili 03-20725707 atau 03-20267430 untuk mendapatkan maklumat. "Orang ramai juga boleh berkunjung terus ke mana-mana Jabatan Akauntan Negara Malaysia negeri atau cawangan yang berdekatan," ujar kenyataan tersebut.

31 Mei 2011 (Selasa)

Pelaburan RM3.23 b di NCER



Redza Rafiq Abdul Razak (dua dari kiri) sempat mengusik Mukhriz Tun Dr. Mahathir (tengah) dan Nor Mohamed Yakcop (dua dari kanan) ketika mereka menunjukkan kemahiran memasak burger di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 31 Mei - Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) telah menarik pelaburan berjumlah RM3.23 bilion bagi empat bulan pertama tahun ini. Ketua Pegawai Eksekutif, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Datuk

Redza Rafiq Abdul Razak berkata, jumlah tersebut melebihi separuh daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang direkodkan tahun lalu, iaitu sebanyak RM6.08 bilion. "Bagi tahun Januari 2010 hingga Januari 2011, NCER telah mencatatkan penglibatan pelaburan sektor swasta sebanyak RM9.31 bilion. "Daripada jumlah ini, ia akan menjana pendapatan kasar negara (GNI) sebanyak RM13.03 bilion dengan peluang pekerjaan mencecah sehingga 18,932 orang dalam empat kategori iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik," kata Redza Rafiq.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran Pameran Peluang Perniagaan di NCER, di sini hari ini. Pameran tersebut dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop. Hadir pada majlis Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Tun Dr. Mahathir. Redza Rafiq berkata, matlamat utama NCIA bukan semata-mata membawa masuk pelaburan ke NCER tetapi juga mencipta peluang perniagaan baharu di kalangan usahawan tempatan. Katanya, setiap pelaburan yang masuk ke NCER pasti memberi manfaat kepada rakyat terutamanya dari segi nilai tambah, peluang pekerjaan, vendor dan industri hiliran. "Sebagai contoh, syarikat dari Singapura dalam bidang ruang angkasa iaitu Singapore Aerospace Manufacturing Pte. Ltd. (SAM) telah menawarkan kontrak bernilai RM40 juta kepada pembekal tempatan setiap tahun. "Begitu juga dengan beberapa projek akuakultur dan pertanian di NCER, di lihat berjaya membantu merancakkan perniagaan petani tempatan secara kecil-kecilan," jelasnya. Mengulas mengenai pelaburan langsung asing (FDI) ke NCER, beliau berkata, tahun lalu FDI menyumbang 49.4 peratus daripada keseluruhan pelaburan yang diterima.